

17/09/1998

Shanti sandaran tunggal 100m

CABARAN Malaysia dalam acara 100 meter kini hanya digalas oleh G Shanti selaku atlit tunggal negara yang layak ke peringkat separuh akhir wanita sesudah Watson Nyambek terkeluar daripada persaingan.

Turut tersingkir selepas suku akhir petang semalam ialah Hamberi Mahat.

Shanti memulakan persaingan dalam saringan suku akhirnya dengan baik tetapi memperlahankan langkah pada 40 meter terakhir selepas terkejut dengan beberapa pencabarnya mula memintas.

Shanti yang menduduki tempat keempat dengan catatan 11.58s, melayakkan diri berikutan syarat kelayakan ke separuh akhir ialah tiga pemenang teratas setiap saringan dan tambahan empat catatan terbaik.

Watson pula bertindak cemerlang pada sebelah pagi ketika berlari satu saringan dengan jaguh dunia, Frankie Fredericks dari Namibia, untuk menduduki tempat ketiga dengan catatan 10.36s.

Masa terbaiknya yang juga rekod kebangsaan ialah 10.30s.

Harapan kira-kira 20,000 penonton, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang hadir menyaksikan saingan pada sebelah petang untuk melihat dia sekurang-kurangnya memecahkan rekod kebangsaan, nyata meleset apabila sekadar menduduki tempat keenam dengan masa 10.43s.

Ato Boldon, turut berada dalam saringan yang sama dengan Watson, melangkah mudah untuk catatan 10.05s, iaitu masa terbaik bagi pusingan suku akhir.

Fredericks pula adalah keenam ter pantas di peringkat suku akhir dengan catatan 10.15s.

Bagi kelayakan ke separuh akhir 100m lelaki, empat peserta terbaik setiap saringan layak secara automatik.

Watson ketika ditemui berkata dia lambat berlepas dari blok permulaan dan sekali gus tidak dapat melakukan larian yang baik untuk mengejar lawannya.

"Pelepasan lewat itu mengganggu larian saya dan sukar untuk mengejar lawan yang begitu pantas. Bagaimanapun, saya gembira dapat bersaing dengan Boldon dan Fredericks.

"Apa yang saya harapkan sekarang ialah diberi peluang untuk beraksi dalam pertandingan mencabar untuk meningkatkan prestasi saya," katanya.

Hamberi turut berasa hampa kerana yakin dapat sekurang-kurangnya mencuri tempat ketiga dalam persaingan yang kurang menyengat tetapi jangkannya meleset apabila berada di tempat keempat dengan masa 10.49s. Catatan itu lebih baik daripada lariannya pada sebelah pagi, iaitu 10.58s.

"Ramai yang menganggap saya tidak mampu melakukan catatan peribadi terbaik tetapi kini saya buktikan mampu. Saya begitu gembira," kata Hamberi.

Shanti ketika ditemui berkata matlamatnya memang sekadar melepasi halangan untuk ke perlumbaan akhir hari ini.

"Tunggu sahaja esok, saya berharap dapat untuk sekurang-kurangnya memperbaiki catatan terbaik saya, 11.5s," katanya.